



KETUA PENGARAH KERJA RAYA
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC WORKS
Jabatan Kerja Raya Malaysia
Public Works Department Malaysia
Tingkat 33, Menara Kerja Raya
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur



Telefon : (03) 2618 8421
Faks : (03) 2618 8799
Laman Web : <https://www.jkr.gov.my/>

Ruj. Kami : ~~(30)~~JKR-KPKR:115.090/10/12 Jld.5
Tarikh : 8 Mac 2017

Semua Pengarah Kanan / Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri
Semua Pengarah Kerja Raya Wilayah Persekutuan

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PENETAPAN WAJARAN MARKAH PRESTASI BAGI URUSAN PEMANGKUAN KE GRED J52 DAN J54 PEGAWAI PENGURUSAN DAN PROFESIONAL SELARAS DENGAN PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2016

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 "Rasionalisasi Skim Perkhidmatan", inisiatif **keutamaan** diberikan kepada pegawai profesional yang berdaftar dengan Badan Profesional yang diiktiraf sebagai salah satu kriteria tambahan untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan **Gred J52 dan J54** mulai 1 Julai 2016.

3. Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam dalam mesyuaratnya Bil 1 Tahun 2017 pada 23 Februari 2017 telah bersetuju dengan penetapan semula wajaran prestasi bagi urusan kenaikan pangkat seperti berikut:

LNPT 3 Tahun (70%) + Temu Duga (25%) + Kelayakan Profesional (5%)

4. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan jua, merujuk Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2002, senarai kelayakan yang diiktiraf oleh Badan Profesional Malaysia adalah termasuk **Arkitek Profesional Berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia, Jurutera Profesional oleh Lembaga Jurutera Malaysia dan Juruukur Bahan Berdaftar dengan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia.**

5. Selari dengan hasrat Jabatan bagi memartabatkan profesion kejuruteraan, Jabatan juga berhasrat untuk meningkatkan peratusan wajaran kelayakan profesional bagi tujuan pemangkuan mulai tahun **2019** seperti berikut:

LNPT 3 Tahun (70%) + Temu Duga (20%) + Kelayakan Profesional (10%)

1/3




CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 4001



CERTIFIED TO ISO 14001:2004
CERT. NO.: ER 0281



CERTIFIED TO OHSAS 18001:2007
CERT. NO.: SH 0902



CERTIFIED TO ISO 50001:2011
CERT. NO.: EnR 0013

Ruj. Kami : (89)JKR-KPKR:115.090/10/12 Jld.5
Tarikh : 8 Mac 2017

6. Sehubungan dengan itu, pegawai JKR yang diiktiraf sebagai pegawai Profesional Bertauliah oleh Badan Profesional di Malaysia seperti di perenggan 4 adalah layak untuk diberi keutamaan pemangkuan/kenaikan pangkat ke Gred J52 dan J54 mengikut wajaran seperti yang ditetapkan berkuat kuasa **23 Februari 2017**.

7. Perhatian YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN MD. TAHA)

Ruj. Kami : (80)JKR-KPKR:115.090/10/12 Jld.5
Tarikh : 5 Mac 2017

s.k.

1. Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Bangunan)
2. Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Infra)
3. Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Pakar)
4. Pengarah Cawangan Dasar Dan Pengurusan Korporat